MODUL PENTAKSIRAN PDPC SEMESTER1 MODUL PENTAKSIRAN PDPC SEMESTER 1

**900/1** **SEM 1 2022**

**PENGAJIAN AM**

**KERTAS 1**

**(Dua jam)**

# MODUL PENTAKSIRAN PDPC SEMESTER 1

# NEGERI PAHANG

**Arahan kepada calon :**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.**

*Jawab* **semua** *soalan dalam Bahagian A. Tandakan jawapan yang betul pada Borang Jawapan Aneka Pilihan yang dibekalkan.*

*Jawab* **semua** *soalan dalam Bahagian B. Tulis jawapan dalam ruang yang disediakan.*

*Jawab* **dua** *soalan sahaja dalam Bahagian C. Anda boleh menjawab semua soalan tetapi hanya* **dua** *jawapan pertama akan diperiksa.*

*Tulis jawapan pada helaian jawapan yang disediakan. Mulakan setiap jawapan pada helaian jawapan yang baru.*

*Ikatkan helaian jawapan Bahagian C bersama-sama dengan muka hadapan dan helaian jawapan Bahagian B.*

| Untuk kegunaan pemeriksa | |
|---|---|
| *Bahagian A* | |
| **1-15** | |
| *Bahagian B* | |
| **16** | |
| **17** | |
| **18** | |
| **19** | |
| *Bahagian C* | |
| | |
| | |
| Jumlah | |

---

**Kertas soalan ini terdiri daripada 8 halaman bercetak .**

**Bahagian A** [ 15 *markah* ]

*Jawab* **semua** *soalan*

1 Yang manakah situasi yang mencabar kedaulatan negara Malaysia?

I Pertukaran kerajaan yang sah disebabkan perubahan bilangan kerusi Parlimen

II Kapal asing berlabuh melebihi masa yang diizinkan di perairan Malaysia

III Kemasukan pekerja asing tanpa izin di dalam negara

IV Tindakan lanun menceroboh perairan Sabah

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

2 Encik X, seorang warganegara Indonesia berumur 55 tahun dan telah bermastautin di Pahang lebih daripada 15 tahun. Beliau telah memohon menjadi warganegara Malaysia.

Encik X boleh memperoleh kewarganegaraan melalui

A Pendaftaran

B Percantuman wilayah

C Kemasukan / naturalisasi

D Kuat kuasa undang-undang

3 Yang manakah antara berikut benar jika terdapat percanggahan antara undang-undang persekutuan dengan undang-undang negeri?

A Undang-undang Persekutuan akan digunakan dan undang-undang negeri akan terbatal setakat mana yang bercanggahan sahaja

B Undang-undang persekutuan dan undang-undang negeri akan dipinda untuk mendapatkan persamaan

C Undang-undang yang bercanggahan itu akan dirujuk kepada Parlimen dan Dewan Undangan Negeri

D Undang-undang persekutuan akan dibatalkan

4 Yang manakah tertakluk kepada kuasa budi bicara Yang di-Pertuan Agong?

A Melantik Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan

B Melantik seorang Perdana Menteri

C Melantik Speaker Dewan Rakyat

D Membuat perisytiharan Darurat

5 Yang manakah pihak yang menentukan tarikh mula perbicaraan sesuatu kes di mahkamah?

A Hakim yang membicarakan kes

B Pendaftar mahkamah

C Peguam Negara

D Pendakwa

6 Antara yang berikut, yang manakah benar tentang Dewan Undangan Negeri?

I Merupakan dewan perundangan di bawah kuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

II Berkuasa untuk membuat pindaan bagi peraturan menentukan waris takhta

III Berkuasa untuk meluluskan rang undang-undang perbelanjaan negeri

IV Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dipilih oleh rakyat

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

7 Yang manakah badan berkuasa yang terlibat dalam penggubalan undang-undang awam?

I Kabinet

II Yang di-Pertuan Agong

III Jabatan Perdana Menteri

IV Jabatan Percetakan Negara

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

8 Pernyataan yang manakah benar tentang pengundian melalui pos untuk warganegara Malaysia?

I Berada di luar negara kerana melancong

II Sedang melanjutkan pelajaran di luar negara

III Sedang mendapat rawatan perubatan di luar negara

IV Berkhidmat dengan kedutaan Malaysia di luar negara

A I dan II

B I dan III

C I dan IV

D II dan IV

9

- Pembangunan modal insan
- Teknologi maklumat dan komunikasi

Perkara-perkara di atas adalah berkaitan dengan

A Cabaran untuk melaksanakan tadbir urus baik

B Kepentingan melaksanakan tadbir urus baik

C Objektif tadbir urus baik

D Bentuk tadbir urus baik

10 Yang manakah yang tepat tentang tadbir urus baik?

A Pertambahan pegawai kerajaan yang mempunyai kelulusan yang tinggi

B Penambahan masa perkhidmatan di kaunter dengan kerja lebih masa

C Ketelusan dalam perkongsian maklumat dan prosedur kerja

D Keputusan dibuat berdasarkan budi bicara

11 Yang manakah yang benar tentang badan berkanun?

I Ditubuhkan di bawah Akta Syarikat

II Sebuah Lembaga Pengarah akan diwujudkan

III Ahli Lembaga Pengarahnya dilantik oleh menteri yang mengawalnya

IV Anggaran belanjawannya mesti diluluskan oleh Perbendaharaan Malaysia

A I dan II

B I dan III

C II dan IV

D III dan IV

12 Yang manakah bidang kuasa Kerajaan Tempatan?

A Mengawal status penggunaan tanah seluruh negeri

B Mengeluarkan lesen tanah perkuburan

C Mengutip cukai keuntungan syarikat

D Menyediakan perumahan awam

13 Yang manakah merupakan penyelaras antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri?

I Majlis Keselamatan Negara

II Majlis Perancang Negara

III Majlis Air Negara

IV Majlis Raja-Raja

A I dan II

B I dan III

C II dan IV

D III dan IV

14 Yang manakah langkah bagi tadbir urus baik dalam mengurangkan isu penyalahgunaan kuasa penjawat awam?

I Penggunaan perkhidmatan ketiga

II Perisytiharan harta pegawai awam

III Melantik pegawai berpengetahuan tinggi

IV Mengurangkan karenah birokrasi yang rigid

A I dan II

B I dan III

C II dan IV

D III dan IV

15 Corak tadbir urus yang manakah yang menjejaskan daya saing negara?

I Tidak responsif kepada kepentingan pelanggan

II Red tape pentadbiran yang boleh lentur

III Sistem penyampaian yang lemah

IV Bilangan kakitangan yang terhad

A I dan II

B I dan III

C II dan IV

D III dan IV

**Bahagian A** [ 15 *markah* ]

*Jawab* **semua** *soalan.*

**16** Huraikan **dua** cara menjadi warganegara Malaysia. [4]

*(a)* ……
……...
……

*(b)* ……
……
……

**17** Huraikan **dua** jenis pilihanraya di Malaysia. [4]

*(a)* ……
……...
……

*(b)* ……
……
……

**18** Nyatakan **tiga** tugas Menteri Besar atau Ketua Menteri dalam pentadbiran. [3]

*(a)* ……..
*(b)* ……..
*(c)* …….....

**19** Nyatakan **empat** kepentingan tadbir urus baik. [4]

*(a)* ……..
*(b)* ……..
*(c)* …….....
*(d)* ……..

**Cadangan Skema Pemarkahan Pengajian Am 1**
**900/1 2022**

**Bahagian A**

| | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | **D** | 2 | **C** | 3 | **A** | 4 | **B** | 5 | **B** |
| 6 | **D** | 7 | **A** | 8 | **D** | 9 | **A** | 10 | **C** |
| 11 | **C** | 12 | **B** | 13 | **D** | 14 | **C** | 15 | **B** |

**Bahagian B**

**Soalan Struktur**

Bahagian ini mengandungi **empat** soalan. Calon dikehendaki menjawab semua soalan. Markah bagi setiap soalan antara 3 hingga 4 markah.

Markah penuh : **15 markah**

| Kriteria | markah | Catatan |
|---|---|---|
| Isi betul | 1 | Soalan berbentuk Kemahiran berfikir Aras Rendah ( KBAR) |
| Isi betul<br><br>Huraian betul | 1<br>+<br>1 | Soalan berbentuk Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) |

**Nota:**

1. Jika calon memberi dua jawapan dalam setiap jawapan (seperti adanya kata hubung ‘dan’ atau perkataan lain yang membawa erti adanya dua jawapan ), maka jawapan calon yang pertama sahaja yang akan diperiksa dan diberi markah jika betul.
2. Jika soalan menentukan bilangan jawapan, tetapi calon menambah bilangan jawapan, maka jawapan yang selebihnya tidak akan diperiksa.
3. Terminologi seperti nama organisasi, jika ditulis dalam bentuk singkatan noleh diterima sebagai jawapan. Contoh ASEAN, APEC dan sebagainya.
4. Terminologi yang telah diterima pakai umum seperti K-ekonomi atau e-dagang tidak perlu diberikan maksudnya dalam jawapan calon.

# Suka sampel ini?

## Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Am

- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

# RM12.90

**BELI SEKARANG >**

nightmew.com/p/stpm · FPX online banking · download serta-merta